

# Gembira lanjut pengajian di UMP

Metro (Setenjut) / 15/09/10 ms18

**K**UANTAN: Lebih 1,860 pelajar mendaftar bagi melanjutkan pengajian pada peringkat diploma dan ijazah membabitkan lapan fakulti di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang, di sini, dan Kuala Pahang, Pekan, semalam.

Mereka membabitkan lapan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) seluruh negara.

Seorang pelajar, Nadia Ramli, 19, dari Pantai Merdeka, Kedah, gembira dan berasa bertuah diterima melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di UMP yang menawarkan pengajian dalam bidang kejuruteraan.

Menurutnya, universiti itu yang dikatakan terkenal sebagai gedung ilmu pelbagai bidang kejuruteraan mendorong dia meneruskan minatnya dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (Fkasa).

"Saya ingin buktikan wanita juga mampu berjaya dalam bidang kejuruteraan setanding kaum lelaki dan faktor berkenaan juga turut menjadi pendorong pada saya selama ini untuk berusaha melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



**RAMAI...sebahagian daripada pelajar mendaftar di Kompleks Sukan UMP.**

"Kejayaan dua kakak dan dua abang melanjutkan pengajian pada peringkat universiti dan kini berjaya dalam bidang masing-masing turut menjadi pembakar semangat kepada saya mengikut jejak mereka," kata anak kelapan daripada 10 beradik itu.

Dia berkata demikian pada hari pendaftaran penuntut baru UMP yang turut dihadiri Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Profesor Dr Yuserrie Zainuddin di Kompleks Sukan UMP, di sini, semalam.

Nadia yang sebelum ini

belajar di Kolej Matrikulasi Kedah berkata, dia tidak sabar memulakan pengajian terutama melihat sendiri kemudahan makmal di UMP yang dikatakan dilengkapi teknologi moden.

Bagi Muhamad Saiful Mohd Sharif, 19, yang juga bekas pelajar Kolej Matrikulasi Teknik Kedah, berkata, kini impian melanjutkan pelajaran di UMP menjadi kenyataan dan tumpuan untuk melakar kejayaan cemerlang akan dilakukan sebaik mungkin serta tidak akan melepaskan peluang yang dibekirkan.